# SOALAN-SOALAN LAZIM

## SKIM PEMBIAYAAN USAHAWAN BUMIPUTERA AGROMAKANAN (“*AgroPutra*”) BAGI KATEGORI MIKRO DAN KECIL

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 1. | Apakah yang dimaksudkan Skim Pembiayaan Usahawan Bumiputera Agromakanan (“*AgroPutra*”) Bagi Kategori Mikro dan Kecil | Program Skim “*AgroPutra*” merupakan program pembiayaan yang bertujuan untuk menyediakan dana bagi merangsang pertumbuhan perniagaan sedia ada dan baru yang dimiliki oleh usahawan Bumiputera dalam kategori mikro dan kecil.<br><br>Program ini terbahagi kepada dua segmen :-<br><br>**i.** **<u>AgroPutra Niaga</u>**<br>Untuk menyediakan pembiayaan kepada perniagaan Bumiputera yang sedia ada yang memberi fokus kepada perusahaan pengeluaran makanan yang merangkumi keseluruhan rantaian pembekalan, bermula dari pengeluaran hasil sumber makanan (penanaman, pertanian, dan perikanan), pemprosesan, pengedaran, pemasaran, dan perkhidmatan penyediaan makanan.<br><br>**ii.** **<u>AgroPutra Tunas</u>**<br>Untuk menyediakan pembiayaan awal kepada usahawan baru mikro (termasuk graduan yang baru menamatkan pengajian) bagi memulakan perniagaan berasaskan penyediaan, pemprosesan dan penyimpanan makanan. Antara contoh perniagaan adalah seperti kafetaria, peruncitan sejuk beku, pusat pemprosesan makanan, pusat penyediaan makanan, katering dan mana-mana yang seumpama dengannya. |
| 2. | Apakah skop pembiayaan di bawah Program Skim AgroPutra | **i.** **<u>AgroPutra Niaga</u>**<br><br>Membiayai keperluan pembiayaan mikro dan kecil bagi pembelian aset (CAPEX) dan input pengeluaran (OPEX) merangkumi keseluruhan rantaian pembekalan, bermula dari pengeluaran hasil sumber makanan (penanaman, pertanian, dan perikanan), pemprosesan, pengedaran, pemasaran, dan perkhidmatan penyediaan makanan.<br><br>**ii.** **<u>AgroPutra Tunas</u>**<br><br>Membiayai keperluan permulaan perniagaan mikro berasaskan makanan yang melibatkan pembelian aset (CAPEX) dan modal kerja operasi yang berasaskan penyediaan, pemprosesan dan penyimpanan makanan. Antara contoh perniagaan adalah seperti kafetaria, peruncitan sejuk beku, pusat pemprosesan makanan, pusat penyediaan makanan, katering dan mana-mana yang seumpama dengannya. |

| No. | Soalan | Jawapan | |
|---|---|---|---|
| 3. | Siapakah yang layak memohon pembiayaan di bawah Program Skim AgroPutra? | **AgroPutra Niaga**<br><br>Merupakan usahawan mikro dan kecil yang menepati dengan ciri-ciri khusus sepertimana berikut ;<br><br>1) Warganegara Malaysia<br><br>2) Bagi perniagaan milikan tunggal; pemilik berusia diantara 21 tahun (semasa permohonan) dan 70 tahun (semasa tamat tempoh pembiayaan)<br><br>3) Perniagaan atau syarikat hendaklah didaftar atau diperbadankan di bawah akta syarikat 2016 (atau mana mana pindaan yang berkaitan dengannya);<br><br>4) Bagi Sabah dan Sarawak : Pihak berkuasa berkaitan atau Pejabat Daerah (District Offices)<br><br>5) Perniagaan atau syarikat (yang dicadang untuk dibiayai) telah beroperasi sekurang-kurang tempoh 24 bulan dibawah produk pembiayaan berjangka – i (TF-i) dan 36 bulan dibawah produk Modal Kerja – i (MK – i) dengan dibuktikan melalui tarikh pendaftaran perniagaan atau tarikh diperbadankan.<br><br>6) Perniagaan atau syarikat dimiliki 100% oleh Bumiputera<br><br>7) Keutamaan kepada penerima biaya sediada Agrobank yang mempunyai rekod bayaran pembiayaan yang baik. | **AgroPutra Tunas**<br><br>Merupakan individu yang hendak memulakan perniagaan mikro dengan menepati ciri-ciri khusus sepertimana berikut ;<br><br>1) Warganegara Malaysia<br><br>2) Berumur di antara 18 tahun hingga 30 tahun semasa permohonan pembiayaan dibuat.<br><br>3) Perniagaan atau syarikat hendaklah didaftarkan atau diperbadankan di bawah akta syarikat 2016 (atau mana-mana pindaan yang berkaitan dengannya) atau : Bagi Sabah & Sarawak : Pihak berkuasa berkaitan atau Pejabat Daerah (District Offices)<br><br>4) Perniagaan atau syarikat dimiliki 100% oleh Bumiputera<br><br>5) Peniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan melalui pembuktian dokumen pendaftaran perniagaan atau transaksi perniagaan (seperti invoice dan resit belian).<br><br>6) Sekiranya pemohon tidak mempunyai peniagaan seperti di atas, Bank boleh mempertimbangkan pengalaman kerja yang melibatkan aktiviti peruncitan dan penyediaan perkhidmatan secara langsung kepada pelanggan dengan tempoh pengalaman tidak kurang dari 12 bulan. Ini boleh dibuktikan melalui surat pengesahan majikan atau rekod-rekod pengajian seperti slip gaji. |

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| | | 7) Bagi permohonan pembiayaan melebihi RM5,000, pemohon perlu mempunyai sijil atau kursus keusahawanan dengan tempoh pembelajaran tidak kurang dari 24 jam (atau bersamaan 3 hari) dari program yang dijalankan oleh agensi seperti berikut :<br><br>8) Latihan Keusahawan yang dianjuran oleh Majlis Amanah Rakyat<br><br>9) Latihan Keusahawan yang dianjurkan atau diiktiraf oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)<br><br>10) Mana-mana latihan keusahawan yang diiktiraf oleh Agrobank Centre of Excellence (ACE) dari masa ke semasa.<br><br>11) Bagi graduan yang dibawah jurusan Keusahawanan dan/atau Perniagaan adalah dikecualikan kepada keperluan latihan keusahawanan di atas. |

| No. | Soalan | Jawapan | |
|---|---|---|---|
| 4. | Bagaimanakah proses permohonan pembiayaan boleh dilakukan? | Pemohon dinasihatkan untuk membuat permohonan pembiayaan di mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran dengan lokasi perniagaan pemohon. | |
| 5. | Apakah jenis produk pembiayaan yang ditawarkan di bawah Program Skim AgroPutra? | **AgroPutra Niaga**<br><br>Pembiayaan Berjangka – *i* : bagi pembelian dan pembangunan aset<br><br>Modal Kerja – *i* : bagi pembiayaan modal kerja operasi<br><br>Dalam satu-satu masa dibenarkan untuk memperolehi kedua-dua jenis kemudahan di atas dengan jumlah agregat tidak melebihi had kemudahan pembiayaan yang ditetapkan | **AgroPutra Tunas**<br><br>Pembiayaan Berjangka – *i* : bagi pembelian aset dan modal kerja operasi |
| 6. | Berapakah tempoh kemudahan pembiayaan di bawah Program Skim AgroPutra? | **AgroPutra Niaga**<br><br>Pembiayaan Berjangka – *i* : Tempoh pembiayaan tidak melebihi 84 bulan termasuk penangguhan bayaran pokok (7 tahun)<br><br>Modal Kerja – *i (tunai)* :<br><br>i. Tempoh kemudahan sehingga 84 bulan (7 tahun)<br><br>ii. Tempoh kredit adalah berdasarkan kitaran operasi, dengan kitaran maksimum 180 hari (6 bulan) | **AgroPutra Tunas**<br><br>Pembiayaan Berjangka – *i* : Tempoh pembiayaan tidak melebihi 84 bulan (7 tahun) termasuk penangguhan bayaran pokok. |
| 7. | Berapakah tempoh penangguhan bayaran pokok di bawah Program Skim AgroPutra? | **AgroPutra Niaga**<br>i. Sehingga 6 bulan tempoh penangguhan bayaran pokok<br><br>ii. Tidak terpakai bagi produk modal kerja - i (MK-i) | **AgroPutra Niaga**<br>i. Sehingga 6 bulan tempoh penangguhan bayaran pokok |

| No. | Soalan | Jawapan | |
|---|---|---|---|
| 8. | Berapakah had pembiayaan yang boleh dimohon?<br><br>** Tertakluk pada terma dan syarat* | **<u>AgroPutra Niaga</u>**<br><br>a) Maksima : RM 500,000*<br><br>b) Minima : RM 50,000*<br><br>c) Jumlah aggregat keseluruhan pembiayaan di bawah skim ini adalah sehingga RM500,000 sahaja. | **<u>AgroPutra Tunas</u>**<br><br>a) Maksima : RM 50,000*<br><br>b) Minima : RM 5,000*<br><br>c) Jumlah aggregat keseluruhan pembiayaan dibawah skim ini adalah sehingga RM50,000 sahaja.<br><br>d) Pelanggan dibenarkan untuk memohon skim Niaga AgroPutra setelah tempoh pembiayaan di bawah skim ini melepasi 24 bulan dengan jumlah keseluruhan aggregat pembiayaan bagi kedua-dua skim ini tidak melebihi RM500,000.00 |
| 9. | Berapakah kadar keuntungan (kadar keuntungan efektif) dikenakan kepada pelanggan?<br><br>** Tertakluk pada terma dan syarat* | Pembiayaan Berjangka – *i* :<br>3%* setahun dikira atas baki bulanan termasuk 6 bulan tempoh penangguhan bayaran pokok (grace period)<br><br>Modal Kerja – *i* (tunai) :<br>3%* setahun dikira setiap hari ke atas baki pembiayaan. | Pembiayaan Berjangka – *i* :<br>4.75%* setahun dikira atas baki bulanan termasuk 6 bulan tempoh penangguhan bayaran pokok (grace period) |
| 10. | Berapakah Kadar Keuntungan Siling (KKS) dikenakan kepada pelanggan?<br><br>** Tertakluk pada terma dan syarat* | Kadar Keuntungan Siling : Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + 4.00%* setahun atau 10%*, mana-mana yang lebih tinggi untuk pengiraan harga jualan. | |

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 11. | Bagaimanakah wang pembayaran pembiayaan akan disalurkan? | Operational Expenditure (OPEX)<br>i. Untuk pembiayaan modal kerja, adalah dikeluarkan secara Utilization Notice dengan tertakluk kepada jumlah dan had pembiayaan yang diluluskan.<br><br>Capital Expenditure (CAPEX)<br>i. Memerlukan dokumen pembuktian tuntutan pembayaran atau pengesahan pembayaran telah dibuat.<br><br>ii. Manakala bagi pembelian aset yang bernilai RM2,000 dan ke bawah, dibenarkan pengeluaran secara terus kepada pelanggan dengan disokong dokumen sebutharga atau pembuktian harga bagi item yang akan dibeli tersebut.<br><br>Bagi pengeluaran secara reimbursement (bagi tarikh pembayaran yang telah dibuat dalam tempoh maksima 6 bulan dikira sehingga pada tarikh pemohonan pembiayaan ini dibuat) : Dokumen pembuktian pembayaran telah dibuat adalah seperti resit, paid invoice, bill of sale dan sebagainya |
| 12. | Berapakah margin pembiayaan? | Sehingga 100% termasuk kos sumbangan takaful, setem duti, kos suratcara dan fi jaminan kredit (sekiranya berkaitan). |
| 13. | Adakah cagaran diperlukan dibawah program AgroPutra ini? | Tiada cagaran yang diperlukan oleh pihak Bank dibawah program AgroPutra |
| 14. | Bagaimanakah kaedah pembayaran kemudahan pembiayaan? | Bermula dari bulan ke-7 secara ansuran bulanan. Walaupun demikian pelanggan digalakkan untuk membuat pembayaran ansuran awal secara advance payment dalam tempoh penanguhan bayaran pokok. |

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 15. | Apakah konsep Shariah yang digunakan? | ***Tawarruq***<br>Produk ini mengguna pakai konsep tawarruq yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lain. Melalui pembiayaan ini, pihak Bank akan membeli komoditi (minyak sawit mentah, resin plastik atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh pembekal komoditi) daripada pembekal komoditi dengan harga kos (berdasarkan kepada jumlah pembiayaan). Kemudiannya, pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan secara Murabahah iaitu harga kos ditambah keuntungan dengan bayaran tertangguh. Seterusnya, pihak Pelanggan melantik Bank sebagai wakil (wakalah) untuk menjual komoditi tersebut pada harga kos secara tunai kepada pihak ketiga. Hasil jualan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai amaun pembiayaan yang dikehendaki oleh Pelanggan. Komoditi yang diguna pakai bagi tujuan transaksi Tawarruq tertakluk kepada komoditi broker.<br><br>***Wakalah***<br>Di bawah Kemudahan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwiagensi di bawah konsep Wakalah. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen pelanggan untuk menerima pembelian komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak pelanggan untuk melengkapkan transaksi Tawarruq.<br><br>“Komoditi” dalam konteks transaksi Tawarruq adalah merujuk kepada apa-apa jenis komoditi patuh Syariah yang diterima pakai oleh Bank seperti minyak sawit mentah, plastik resin, kredit prabayar atau apaapa komoditi yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi yang diniagakan di mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang diluluskan oleh Bank. |
| 16. | Bagaimanakah sekiranya saya membuat penyelesaian awal? | Rebat (Ibra’) akan diberikan kepada pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu senario (tetapi tidak terhad kepada) berikut:<br><br>i. Penyelesaian awal atau penebusan awal atau pembayaran awal;<br>ii. Penyelesaian Kemudahan disebabkan pelaksanaan penstrukturan;<br>iii. Penyelesaian awal oleh pelanggan bagi kes kemungkiran di mana walaupun pelanggan mungkir, pelanggan membuat penyelesaian penuh bagi keterhutangan Kemudahan sebelum tarikh matang;<br>iv. Penyelesaian oleh Pelanggan bagi kes penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh matang |
| 17. | Dimanakah saya boleh mendapatkan keterangan lanjut dan borang permohonan? | Pemohon boleh menghubungi pihak Bank melalui medium seperti di bawah.<br><br>• Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476;<br>• Layari laman sesawang rasmi Agrobank www.agrobank.com.my ;<br>• Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan;<br>• Layari media sosial rasmi Agrobank iaitu Facebook, Instagram, Twitter. |